



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN FIRMA YANG KOMPETEN (FYK) PEMBUAT & PEMBAIKPULIH BEJANA TEKANAN

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan untuk rujukan kepada syarikat dan pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Firma Yang Kompeten (FYK) Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan melalui sistem MySKUD.

2. PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

2.1 Kategori Permohonan

PILIHAN KATEGORI PERMOHONAN FYK PEMBUAT & PEMBAIKPULIH BEJANA TEKANAN	NOTA PENERANGAN
Pendaftaran FYK Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan	Bagi pemohon yang pertama kali memohon untuk diiktiraf sebagai Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan atau Pembaikpulih Bejana Tekanan sahaja. Pemohon perlu memilih skop pendaftaran yang berkaitan.
Pembaharuan FYK Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan	Permohonan ini dibuka kepada pemohon FYK Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan atau Pembaikpulih Bejana Tekanan yang telah berdaftar di mana pemohon boleh membuat pembaharuan ini dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan FYK.

	<p>Tindakan berikut juga perlu dilakukan jika kelulusan pembaharuan FYK telah tamat tempoh:</p> <p>i) Kurang daripada 1 Tahun : Perlu laporkan kepada Unit Pengiktirafan, BKI untuk memohon pembaharuan semula.</p> <p>ii) Melebihi daripada 1 Tahun : Perlu laporkan kepada Unit Pengiktirafan, BKI dan perlu memohon pendaftaran baru semula.</p>
<p>Kemaskini Maklumat FYK Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan</p>	<p>(i) Pemohon dibenarkan untuk membuat penambahan skop pendaftaran selepas tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan. Proses ini akan melibatkan semakan dokumen, pembentangan teknikal atau audit di tempat kerja. Jika lulus, syarikat akan dibenarkan menjalankan pembuatan atau baikpulih bagi skop tersebut.</p>
	<p>(ii) Sekiranya terdapat perubahan pada maklumat syarikat (Bahagian B), maklumat cawangan (Bahagian C), maklumat kakitangan teknikal (Bahagian D), maklumat prinsipal (Bahagian E) atau mana-mana item pada dokumen sokongan, pemohon boleh membuat kemaskini maklumat tersebut melalui sistem ini. Surat makluman berkenaan kemaskini ini akan dikeluarkan kepada pemohon selepas diluluskan.</p>

2.2 Butiran Permohonan

Bahagian A : Maklumat Sub Permohonan

SKOP PENDAFTARAN FYK PEMBUAT & PEMBAIKPULIH BEJANA TEKANAN	
JENIS FYK	SKOP PENDAFTARAN
Pembuat Bejana Tekanan	SBM02 - Pembuat Bejana Tekanan Berapi
	PVM01 - Pembuat Bejana Tekanan Tak Berapi
	PVM02 - Pembuat Bejana Tekanan Tak Berapi Jenis Paip (Seamless Pipe)
	PVM03 - Pembuat Pintu Cepat Terbuka (Clutch Door)
	PVM04 - Pembuat Penghujung Lekuk (Dished End)
	PVM06 - Pembuat 'Pressurized Road Tanker'
Pembaikpulih Bejana Tekanan	SBR02 - Pembaikpulih Bejana Tekanan Berapi
	PVR01 - Pembaikpulih Bejana Tekanan Tak Berapi

Bahagian B : Maklumat Syarikat

Pemohon bagi Pendaftaran dan Pembaharuan FYK Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan melalui MySKUD hendaklah memastikan syarikat (kilang utama) telah berdaftar dengan JKPP Negeri melalui sistem MyKPP di bawah sektor kilang.

Kilang utama hendaklah telah melalui pemeriksaan oleh JKPP Negeri dan permohonan tersebut boleh dilakukan melalui sistem MyKPP.

Laporan pemeriksaan kilang tersebut boleh disemak pada bahagian Papar Docket.

Pemohon perlu memohon Pengaktifan Tempat Kerja (PATK) untuk mengaktifkan maklumat syarikat yang dipohon melalui sistem MyKPP.

Maklumat syarikat yang memohon tidak akan terpapar pada bahagian ini jika pemohon masih belum melakukan proses seperti perkara di atas.

**Maklumat pegawai yang dihubungi seperti nama, alamat email dan no. telefon bimbit hendaklah merujuk kepada kakitangan syarikat yang bertanggungjawab dalam menghantar permohonan dan berkebolehan untuk menjawab pertanyaan jika dihubungi pegawai dari JKPP.*

Bahagian C : Maklumat Kakitangan Teknikal

Permohonan hendaklah menyenaraikan kakitangan teknikal yang bertanggungjawab bagi skop pembuatan atau baikpulih bejana tekanan syarikat utama di Bahagian B. Antara bahagian yang terlibat adalah seperti berikut:

- a) Bahagian Rekabentuk & Projek Kejuruteraan
- b) Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)
- c) Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- d) Pengimpal Tetap dan Berkelayakan

Setiap kakitangan teknikal hendaklah memenuhi sekurang-kurangnya syarat kelayakan seperti **Jadual 1**:

JADUAL 1 : KRITERIA KELAYAKAN KAKITANGAN TEKNIKAL	
Bahagian Rekabentuk (Wajib bagi FYK Pembuat) & Bahagian Projek Kejuruteraan (Wajib bagi FYK Pembuat atau Pembaikpulih)	
a)	Warganegara Malaysia atau bagi Bukan Warganegara hendaklah mempunyai permit bekerja di Malaysia.
b)	Berpengetahuan berkaitan perundangan, kod dan standard seperti ASME, EN, BS dan sebagainya yang merujuk skop dipohon.
c)	Kelayakan akademik atau pengalaman; i) Memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan/setara dan berpengalaman selama satu (1) tahun dalam kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan; atau ii) Memiliki diploma dalam bidang kejuruteraan/setara dan berpengalaman selama tiga (3) tahun dalam kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan; atau iii) Memiliki sijil kemahiran dalam bidang kejuruteraan/setara dan

	berpengalaman selama lima (5) tahun dalam kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan;
d)	Menghadiri latihan berkaitan rekabentuk bagi pembuatan dan baikpulih bejana tekanan.
Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)	
a)	Warganegara Malaysia;
b)	Berpengetahuan berkaitan spesifikasi dalam perundangan rekabentuk dan pembuatan dan baikpulih bejana tekanan.
c)	Menghadiri latihan kompetensi berkaitan kawalan kualiti bagi pembuatan dan baikpulih bejana tekanan.
d)	Memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan/setara dan berpengalaman selama satu (1) tahun dalam kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan; atau Memiliki diploma dalam bidang kejuruteraan/setara dan berpengalaman selama tiga (3) tahun dalam kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan; atau Memiliki sijil kemahiran dalam bidang kejuruteraan/setara dan berpengalaman selama lima (5) tahun dalam kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan; atau Memiliki SPM/setara dan berpengalaman selama sepuluh (10) tahun dalam kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan.
Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP)	
	Syarikat perlu melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety & Officer - SHO) jika tertakluk di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja),1997 atau Bagi tempat kerja yang kurang dari 100 orang pekerja, syarikat perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) yang berdaftar dengan JKKP atau melantik Penyelia KKP yang telah menghadiri kursus KKP yang berkaitan di pusat pengajar yang diiktiraf oleh JKKP;

	Maklumat No. Pendaftaran SHO/SSS yang sah perlu dimasukkan bagi maklumat kakitangan teknikal Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Jika No. Pendaftaran telah didaftarkan di syarikat lain, mesej ralat akan dipaparkan. Isi Maklumat No. Pendaftaran (NA) jika melantik Penyelia KKP.
Pengimpal Tetap dan Berkelayakan	
a)	Warganegara Malaysia; dan
b)	Telah menjalani Ujian Kelayakan Kimpalan (WQT) jenis 6G berdasarkan WPS skop permohonan.

**Pemohon hendaklah memuatnaik sijil kehadiran kursus kakitangan teknikal atau KKP yang telah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A atau Pengurusan Profesional ke atas.*

Bahagian D : Maklumat Cawangan

Sekiranya syarikat mempunyai cawangan yang ingin didaftarkan bagi menjalankan kerja sebagai Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan, cawangan tersebut hendaklah berdaftar dengan JKPP Negeri di bawah sektor kilang melalui sistem MyKKP dan pemeriksaan kilang oleh JKPP Negeri yang terkini telah dijalankan kerana maklumat cawangan dan pemeriksaan kilang cawangan diambil dari sistem tersebut.

Pemohon juga perlu memohon Pengaktifan Tempat Kerja (PATK) untuk mengaktifkan maklumat cawangan syarikat yang dipohon melalui sistem MyKKP.

**Pemohon perlu melengkapkan maklumat No Telefon, Emel Syarikat dan Bilangan Pekerja pada ruangan yang disediakan.*

BUTIRAN (Field)	NOTA PENERANGAN
Nama Syarikat	Merujuk nama syarikat FYK utama yang didaftarkan seperti di Bahagian B.
No. Pendaftaran Syarikat*	Nombor pendaftaran cawangan syarikat yang didaftarkan di dalam MyKKP di bawah sektor kilang.

No. Telefon Syarikat*	Nombor telefon cawangan syarikat.
E-mel Syarikat*	E-mel cawangan syarikat yang boleh dihubungi oleh Jabatan.
Bilangan Pekerja*	Bilangan pekerja yang berjawatan tetap dan kontrak di cawangan syarikat.
Kakitangan Teknikal*	<p>Maklumat kakitangan teknikal yang bertanggungjawab di cawangan syarikat. Kakitangan teknikal cawangan yang sama dengan syarikat (kilang utama) dibenarkan hanya jika lokasi syarikat (kilang utama) dan cawangan dalam satu daerah sahaja. Semua maklumat kakitangan teknikal syarikat boleh disalin dengan menekan butang Sama Seperti Ibu Pejabat .</p> <p>Syarikat perlu menyediakan kakitangan teknikal cawangan yang lain jika lokasi cawangan berlainan daerah dengan syarikat (kilang utama).</p>

3.0 DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan wajib (*) berikut hendaklah dimuat naik dan disimpan untuk permohonan ini dalam format PDF.

BUTIRAN (<i>Field</i>)	NOTA PENERANGAN
1) Ringkasan latar belakang syarikat (Company Profile)*	Mengandungi katalog atau maklumat latar belakang/profil syarikat (kilang utama) dan cawangan*
2) Carta organisasi utama syarikat (kilang utama) dan cawangan*	Carta organisasi yang terkini yang dilengkapi dengan nama dan jawatan termasuk kakitangan teknikal serta pengimpal tetap dan kakitangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).
3) Senarai nama kakitangan teknikal & KKP bagi syarikat	Menyediakan senarai dan resume setiap kakitangan teknikal, pengimpal tetap dan kakitangan

<p>(kilang utama) dan cawangan*</p>	<p>Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) perlu mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama dan jawatan • Tempoh pengalaman berkaitan jawatan • Kelayakan akademik berkaitan yang tertinggi • Sijil kehadiran latihan/kursus teknikal dan KKP berkaitan yang dihadiri. <p>Kakitangan teknikal yang sama dibenarkan hanya jika lokasi syarikat (kilang utama) dan cawangan dalam satu daerah sahaja.</p> <p>Syarikat perlu menyediakan kakitangan teknikal yang lain bagi cawangan jika berlainan daerah dengan syarikat (kilang utama).</p>
<p>4) Senarai aktiviti dan pengalaman kerja*</p>	<p>Maklumat perlu mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai pengalaman kerja berkaitan skop pendaftaran (pendaftaran baru). • Senarai rekod kerja berkaitan skop pendaftaran sepanjang tempoh kelulusan (pembaharuan). • Senarai aktiviti kerja selain berkaitan skop permohonan.

<p>5) Senarai jentera dan peralatan dimiliki beserta spesifikasi bagi syarikat (kilang utama) dan cawangan*</p>	<p>Senarai dan spesifikasi peralatan kerja pembuatan dan baikpuluh bejana tekanan terkini tidak terhad kepada berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rolling Machine (Wajib bagi Pembuat Bejana Tekanan) • Welding Machine • Cutting Machine • Bending Machine • Pressing & Forming Machine (Dish Head) • Drilling Machine • Grinding Machine • Forklift / Overhead Travelling Crane (OTC) <p>Senarai dan spesifikasi peralatan pemeriksaan kualiti bejana tekanan terkini tidak terhad kepada berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Welding Gauge • Torque Wrench • Non-Destructive Testing (NDT) Equipment • Hydrostatic Test Set <p>Senarai peralatan di atas juga diperlukan untuk permohonan kemaskini premis baru.</p>
<p>6) Pelan lokasi kedudukan jentera di syarikat (kilang utama) dan cawangan*</p>	<p>Menyediakan layout kedudukan proses dan jentera di dalam syarikat (kilang utama) dan cawangan yang terkini bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini premis baru.</p>

<p>7) Manual Kawalan Kualiti yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan*</p>	<p>Menyediakan Manual Kawalan Kualiti lengkap yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Polisi Kualiti yang ditandatangani oleh pihak • pengurusan tertinggi • Carta Alir Proses Pembuatan/Baikpulih Bejana Tekanan • Prosidur Kerja Pembuatan/Baikpulih • Material Control • Welding Control • Design Control • Inspection Test Plan (ITP) Pembuatan/Baikpulih • Senarai Semak Pemeriksaan Kualiti <p>Pemohon hanya perlu memuat naik muka hadapan dan senarai kandungan Manual Kawalan Kualiti tersebut sahaja.</p> <p>Walaupun Manual Kawalan Kualiti yang lengkap perlu disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>
<p>8) Senarai rekod kimpalan*</p>	<p>Menyediakan senarai rekod kimpalan yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai Masterlist WPS, PQR, WQT dan Mechanical Test yang disahkan Badan Berkuasa Memeriksa yang dimiliki oleh syarikat. • Senarai pengimpal syarikat dan Ujian Kelayakan Kimpalan (WQT) berdasarkan WPS skop permohonan. • Rekod Kimpalan (Welding Continuity Record) bagi pengimpal tetap.

<p>9) Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan*</p>	<p>Menyediakan Manual Kawalan Kualiti lengkap yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Polisi Keselamatan dan Kesihatan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi • Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan (JKK) • Prosedur Kerja Selamat (SOP) bagi kerja-kerja pembuatan/baikpulih bejana tekanan • Senarai HIRARC/JHA/JSA bagi kerja-kerja pembuatan/baikpulih bejana tekanan <p>Pemohon hanya perlu memuat naik muka hadapan dan senarai kandungan Manual KKP tersebut sahaja.</p> <p>Walaupun Manual KKP yang lengkap perlu disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>
<p>10) Laporan penambahbaikan berdasarkan pemeriksaan syarikat (kilang utama) dan cawangan oleh JKPP Negeri yang terkini (OSHWA)*</p>	<p>Setiap syarikat (kilang utama) dan cawangan hendaklah berdaftar dengan JKPP Negeri di bawah sektor kilang melalui sistem MyKKP.</p> <p>Syarikat dan cawangan perlu memastikan tempat kerja diperiksa oleh JKPP Negeri terlebih dahulu sebelum permohonan pendaftaran atau kemaskini alamat premis syarikat dan cawangan baru.</p> <p>Bagi permohonan pembaharuan, syarikat dan cawangan perlu memastikan tempat kerja diperiksa oleh JKPP Negeri terlebih dahulu setiap 15 bulan sekali.</p> <p>Syarikat perlu menyemak Laporan Pemeriksaan Kilang yang dikeluarkan dan menjalankan penambahbaikan elemen yang tidak patuh sahaja sebelum permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini premis baru.</p>

<p>11) Senarai Kod Rekabentuk berkaitan yang dimiliki*</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan senarai kod rekabentuk yang digunakan tidak terhad kepada ASME VIII/ TRD/NBIC23/ASME PCC2/BS550/ AD MERKBLATT/ DOT 4A/DOT 4B dan lain-lain. Setiap buku kod rekabentuk yang dirujuk hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>
<p>12) Surat Kebenaran/Lesen Perniagaan (PBT/SSM (FORM 9&49)/PERKESO dan lain-lain)*</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan salinan surat kebenaran / lesen perniagaan yang sah seperti pendaftaran dengan pihak berkuasa tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Borang 9 dan 49) dan pendaftaran dengan PERKESO yang terkini bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini premis baru.</p>
<p>13) Senarai sijil pengiktirafan yang telah diterima (ISO 9001/ISO 45001/OHSAS 18001/ISO 14001/ISO 14001/ MS 1722/ASME dan lain-lain) jika ada</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan senaraikan jenis pengiktirafan terkini yang merujuk kepada pencapaian kualiti pengurusan, teknikal dan KKP yang telah diterima oleh pemohon sepanjang penubuhan syarikat jika ada. Setiap sijil pengiktirafan yang dinyatakan hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>
<p>14) Senarai pencarum KWSP kakitangan syarikat bagi 3 bulan berturut yang terkini*</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan rekod salinan penyata bayaran caruman KWSP yang mengandungi kakitangan teknikal, kakitangan KKP dan pengimpal tetap yang dinyatakan di dalam Butiran 3 untuk tiga (3) bulan berturut yang terkini untuk permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat kakitangan.</p>

<p>15)Program Latihan Teknikal dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) kakitangan syarikat dan cawangan*</p>	<p>Pemohon hendaklah menyediakan senarai rekod program latihan/kursus teknikal dan KKP dalaman dan luaran bagi syarikat dan cawangan seperti berikut :</p> <p>Senarai latihan tahunan yang telah dijalankan sebelum permohonan (pendaftaran baru dan kemaskini skop) atau sepanjang kelulusan yang lepas (pembaharuan).</p> <p>Pelan perancangan latihan bagi tahun semasa (pendaftaran baru, pembaharuan dan kemaskini skop).</p>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

4.0 SELF-DECLARATION

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas syarikat jika didapati :

- a) Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran FYK; atau
- b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c) Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKKP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa ; atau
- d) Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

5.0 KADAR BAYARAN

Tiada pembayaran dikenakan bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Firma Yang Kompeten Pembuat & Pembaikpulih Bejana Tekanan.

6.0 PIAGAM PELANGGAN

- 6.1** Permohonan yang LENGKAP akan diproses (melibatkan semakan dokumen, sesi pembentangan teknikal dan audit) dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh pegawai proses. Keputusan kelulusan sebagai Firma Yang Kompeten Pembuat &

Pembaikpulih Bejana Tekanan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem MySKUD.

- 6.2 Pemohonan yang tidak lengkap akan DITOLAK dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula..
- 6.3 Bagi pemohon yang telah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan, kelulusan pendaftaran baru firma yang kompeten akan diberikan hanya untuk tempoh satu (1) tahun. Manakala bagi permohonan pembaharuan, tempoh kelulusan diberikan minimum satu (1) tahun atau maksimum tiga (3) tahun.

Disediakan oleh:

Unit Pengiktirafan

Seksyen Pengiktirafan, Peperiksaan & Persijilan

Bahagian Keselamatan Industri

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

10 Disember 2020